

MAHASISWA DAN MATLAMAT HIDUP

Kamarul Azmi Jasmi
Azmi Maricar Ahamed
Jawwal Miqdam Mohd Noor

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi K. A., Ahamed A. M., & Mohd Noor J. M. (2015). *Mahasiswa dan Matlamat Hidup in Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Asas Pembangunan Mahasiswa Jilid I*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press. ISBN: 978-983-52-1040-2.

PENGENALAN

Topik yang dibawa dalam bab ini adalah berkenaan dengan matlamat hidup mahasiswa yang akan diperbincangkan menurut perspektif Islam. Pada asasnya semua umat Islam mempunyai matlamat hidup yang umum, iaitu menjadi Allah SWT sebagai subjek peribadatan dalam hidup, di samping matlamat ini terdapat juga matlamat yang lain yang menjurus kepada Allah SWT sebagai subjek peribadatan. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini akan memfokuskan matlamat kehidupan mahasiswa dari segi Allah SWT subjek ibadah.

REFERENCES

- 'Ali, Mahfuz. (1975). *Hidayah al-Murshidin ila Turuq al-Wa'zu wa al-Khatabah*. Al-Qahirah: Dar al-Misr.
- Abu al-Laith, al-Samarqandi. (t.t.). *Bahr al-'Ulum*. T.P.: T.T.P.
- Ahmad, Mohamad Faizal, Mohd Arshad, Ariff, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Amalan, Etika dan Institusi dalam Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012 Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (1984). *Al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra* (Muhammad Dia' al-Rahman Al-A'zami Ed.). Kuwait: Dar al-Khulafa' li al-Kitab al-Islami.
- Al-Bughawi, Abu Muhammad al-Husain. (1983). *Sharh al-Sunnah* (Shu'aib Al-Arna'ut & Muhammad Zuhair Al-Shawish Eds. Vol. 1-15). Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah s.a.w. wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Dinuri, Abu Bakr Ahmad. (1998). *Al-Majalisah wa Jawahir al-'Ilm* (Abu 'Ubaydat Mashhur Hasan Ali Salman Ed. Vol. 1-10). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. (1988). *Ihya' 'ulum al-din (terj.)* (Vol. 1-8). Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. (2004). *Ihya' 'Ulum al-Din* (Vol. 1-5). Misr: Al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. (t.t.). *Ihya' 'Ulum al-Din* (al-Hafiz al-'Iraqi Ed.). T.T.P.: T.P.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Bidayat al-Hidayah* (Muhammad Zaynihim Muhammad 'Azb Ed.). Al-Qahirah: Maktabah Madbuli.
- Al-Kailaniy, Majid 'Arsan. (2002). *Falsafah al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Kailaniy, Majid 'Arsan. (2005). *Ahdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. (1994). *Al-Azkar* ('Abd al-Qadir Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tauzi'.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. (1995). *Riyad al-Salihin* ('Ali 'Abd al-Hamid Boltah Ji Ed.). Lahore Pakistan: Kutub Khanah Faida.

- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. (1998). *Riyad al-Salihin* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Umar Yusuf. (1994). *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi* (Abu al-Ashbal al-Zuhayri Ed. Vol. 1-2). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Safarini, Shams al-Din Abu al-'Aun Muhammad. (1993). *Gaza' al-Albab fi Sharh Manzumah al-Adab* (Vol. 1-2). Mesr: Mu'assasah Qurtobah.
- Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu'jam al-Ausat* ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1975). *Sunan al-Tarmidhi* (Ahmad Muhammad Shakir, Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi & Ibrahim 'Utwat Eds. Vol. 1-5). Mesr: Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Anas, Malik. (2004). *Al-Muwatta'* (Muhammad Mustafa Al-A'zami Ed. Vol. 1-8). Abu Dhabi, Emiriyah: Mua'assah Zayid bin Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khayriyyah wa al-Insaniah.
- Antonio, Muhammad Syafi'i (2008). *Muhammad SAW: The Super Leader Super Manager*. Bandung: Mutiara Qolbun Salim.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid, Abbas, Mohd Saaban, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Din, Haron. (2002). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn al-Mubarak, Abu 'Abd al-Rahman 'Abdullah. (1998). *Al-Zuhd wa al-Raqa'iq li Ibn al-Mubarak* (Habib al-Rahman al-A'zami Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Mulqin, Siraj al-Din Abu Hafs 'Umar. (2008). *Al-Tawdih li Sharh al-Jami' al-Sahih* (Dar al-Falah li al-Bahth al-'Ilmiyy wa Tahqiq al-Turath Ed. Vol. 1-36). Damsiyiq, Suriyya: Dar al-Nawadir.
- Ibn al-Muqri', Abu Bakr Muhammad. (1998). *Al-Mu'jam li Ibn al-Muqri'* (Abu 'Abd al-Haman 'Adil Sa'd Ed.). Al-Riyad: Maktabah al-Rusd.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Paper presented at the Sambutan Maulid al-Rasul, Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi (2007, 4-5 Ogos 2007). *Menyemai Unsur Jati Diri Islam dalam kalangan Pelajar Pra Universiti atau Matrikulasi*. Paper presented at the Seminar Pendidikan Pra Universiti/Matrikulasi Hotel Hilton, Petaling Jaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Abd. Rahman, Kamaluddin, Muhammad, Azhar, Mustari, Mohd Ismail, Ismai, Muhamad Faizl, Razali, Rahmah, & Mohamed, Shamsiah. (2012, 8-9 March 2012). *Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012], Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012, 22 September 2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Paper presented at the Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Kinan, Norina, Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, & Mustari, Mohd Ismail. (2004, 7-9 December 2004). *Tahap Amalan Tatacara Kehidupan Beradab Islam dalam kalangan Mahasiswa Islam Tahun Empat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Paper presented at the International Seminar on Islamic Thoughts Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Mustari, Mohd Ismail, & Afgani @ Eusoff, Yendo. (2004). *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam*. Paper presented at the Simposium Kebangsaan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam.

- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Pendidikan Akhlak kepada Allah S.W.T.: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Othman, Siti Nadirah, & Walter, Azureen Sabina. (2012, 21 April 2012). *Zaman Kegemilangan Islam*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. (2011). Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia. *Sains Humanika*, 55(1).
- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2006). *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Mahmad Nor, Aiman, Fakharazi, Mohammad Syahmi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam di Dunia Kontemporari Baru*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012 Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Marni, Nurazmallai, Mohamed, Ahmad Kilani, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2004, 2-3 Februari 2005). *Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (Teamworking) sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraian Menurut Perspektif Wahyu*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia 2005, Hotel Sofitel, Senai, Johor Bahru, Johor.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2013, 17-18 September 2013). *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Paper presented at the Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, Abu al-Husain. (t.t.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustari, Mohd Ismail Bin, Mohamed, Ahmad Kilani, Jasmi, Kamarul Azmi, & Ya'akob, Robiah. (2004). *Pembentukan Nilai dan Kecemerlangan Bagi Melahirkan Generasi Muda yang Mapan dalam Menghadapi Era Pasca Modenisme*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme, 2004.
- Nik Mat, Nik Abdul Aziz. (2004). *Sirah Nabiwiyyah: Muhammad SAW Insan Teladan Sepanjang Zaman*. Selangor Malaysia: Kemilau Publika Sdn Bhd.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Hassan, Che Hashim. (2006). *Krisis dan konflik institusi keluarga*: Utusan Publications.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*: Utusan Publications.
- Wei, Se Kuan, Yoong, Chin Sam, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 22 September 2012). *Semangat Kekitaan dalam Sesebuah Keluarga*. Paper presented at the Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yuan, Goh Yong, Muzamil, Nor Syafira, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam dan Cabaran Zaman*. Paper presented at the Seminar Tamadun 2012 Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

1

MAHASISWA DAN MATLAMAT HIDUP

Kamarul Azmi Jasmi
Azmi Maricar Ahamed
Jawwal Miqdam Mohd Noor

PENGENALAN

Topik yang dibawa dalam bab ini adalah berkenaan dengan matlamat hidup mahasiswa yang akan dibincangkan menurut perspektif Islam. Pada asasnya semua umat Islam mempunyai matlamat hidup yang umum, iaitu menjadikan Allah SWT sebagai subjek peribadatan dalam hidup, di samping matlamat ini terdapat juga matlamat yang lain yang menjurus kepada Allah SWT sebagai subjek peribadatan. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini akan memfokuskan matlamat kehidupan mahasiswa dari segi Allah SWT sebagai subjek ibadah.

MENJADI HAMBA YANG BERIBADAH

Kesibukan sebagai mahasiswa sewajarnya tidak menjadikan mereka lalai untuk memenuhi matlamat hidup yang penting, iaitu menjadi seorang hamba yang sentiasa beribadah kepada Tuhannya ('Ali, 1975; Al-Kailaniy, 2002; Jasmi *et al.*, 2007; Basiran *et al.*, 2012). Hal ini sebagaimana firman Allah SWT ini:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksud: *Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya beribadah kepada-Ku.*

(Surah *al-Zariyat*, 51:56)

Berdasarkan ayat ini, jelas menggambarkan bahawa matlamat hidup seseorang Muslim itu adalah beribadah kepada Allah SWT. Tanggungjawab mahasiswa adalah menuntut ilmu dan sesungguhnya menuntut ilmu itu adalah sebahagian daripada ibadah selain daripada ibadah khususiah yang difardu dan disunatkan. Hal ini demikian kerana beribadah yang dimaksudkan dalam firman Allah SWT tersebut mencakupi segala aspek aktiviti rohani dan jasmani dan segala amalan yang bertujuan untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (Jasmi *et al.*, 2011).

Apa yang lebih penting, proses terbinanya tamadun Islam adalah berasaskan kepada kekuatan ilmu dalam pelbagai bidang. Oleh itu, adalah menjadi tugas mahasiswa Islam untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu yang menjadi teras dalam ajaran Islam, iaitu ilmu fardu ain, di samping ilmu sains dan teknologi. Melalui ilmu teras ini, para mahasiswa tidak akan terpesong dari landasan hidup yang ditetapkan syariat Islam (Ahmad *et al.*, 2012). Sedangkan ilmu fardu kifayah pula pelengkap kepada kehidupan mahasiswa dalam memakmurkan alam ini mengikut cara yang dikehendaki oleh Islam (Abu al-Laith, t.t.; Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad, 1988; Al-Dinuri, 1998).

Mahasiswa Islam wajar menjadikan para tokoh ilmuwan Islam seperti al-Khawarizmi, al-Farabi, Ibnu Sina, Ibnu Khaldun, Imam al-Ghazali, dan lain-lain lagi sebagai contoh untuk diteladani. Faktor kejayaan tokoh ini dalam pelbagai bidang seperti agama, sains, falsafah dan sebagainya adalah sebenarnya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, meningkatkan ketakwaan dan mendapatkan keredaan-Nya. Hal ini demikian dapat dilaksanakan melalui penelitian dan penghayatan terhadap al-Quran dan sunah (Jasmi, Othman, *et al.*, 2012).

MENJADI MAHASISWA BERIMAN DAN BERAKHLAK

Realitinya menjadi seseorang mahasiswa sekarang adalah tidak sesukar mana jika dibandingkan ketika tempoh dua puluh tahun dahulu. Peluang melanjutkan pengajian semakin terbuka luas dengan lahirnya institusi pengajian tinggi baru di negara ini dan peningkatan puluhan ribu mahasiswa. Namun begitu, berapa ramai dalam kalangan mahasiswa ini menggunakan peluang ini untuk menjadi seseorang yang beriman dan berakhlak? Dunia kampus sebenarnya lebih bebas daripada dunia persekolahan. Mahasiswa berjauhan daripada keluarga, hubungan mahasiswa dengan pensyarah tidak seakrab sebagaimana hubungan pelajar dengan

guru, bebas berpakaian dan seumpamanya (Jasmi, Kamarul Azmi 2007). Subtopik ini membincangkan beberapa perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh semua mahasiswa Islam bagi memastikan matlamat yang ingin dicapai adalah di bawah payungan rahmat daripada Allah SWT serta beroleh syafaat Baginda Muhammad SAW di akhirat kelak.

Antara faktor terpenting yang dibincangkan dan menyumbang ke arah peningkatan iman dan akhlak ialah cintakan Allah SWT dan Rasul, mentaati ibu bapa dan pendidik, mempertingkatkan diri dengan ilmu, melibatkan diri dengan perkara kebaikan, dan amal makruf nahi mungkar.

Cintakan Allah SWT dan Rasul

Kejayaan ke menara gading adalah satu kebanggaan kepada individu yang bergelar mahasiswa setelah sekian lama berhempas pulas sejak di alam persekolahan lagi. Saban hari dan waktu, sibuk menghadiri kuliah, menyiapkan pelbagai tugas, aktiviti kokurikulum dan seumpamanya. Segala-galanya demi memperoleh keputusan yang cemerlang pada setiap semester. Namun sekiranya itu sahaja yang ingin dicapai, maka tiadalah bezanya antara mahasiswa Islam dengan mahasiswa yang bukan beragama Islam. Sebagai mahasiswa beragama Islam, proses pencarian ilmu merupakan perkara yang dituntut oleh Islam (Al-Nawawi, 1994, 1995; Al-Kailaniy, 2002, 2005). Hal ini sebagaimana firman Allah SWT berikut:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا
يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

Maksud: *Katakanlah: Adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu. Sesungguhnya orang yang beringat itu memiliki pemikiran yang mendalam*

(Surah *al-Zumar*, 39:9)

Proses mencari ilmu tiada noktah dalam kamus kehidupan seseorang Muslim. Mereka yang cintakan Allah SWT dan Rasul sentiasa menyahut tuntutan seruan ini sebagai satu tanggungjawab demi mencapai keredaan Allah SWT. Setiap perbuatan memperoleh ganjaran besar daripada

Allah SWT. Mahasiswa yang cintakan Allah SWT dan Rasul tidak akan mudah dipengaruhi oleh unsur negatif yang boleh menjejaskan keimanan mereka (Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad, 2004; Al-Nawawi, 1994, 1995). Contohnya seperti meniru, mempergunakan rakan-rakan lain untuk menyiapkan tugas, membenci pensyarah, budaya 'couple' dan pergaulan bebas, dan lain-lain lagi yang boleh menghalang mahasiswa Islam daripada mencapai keredaan Allah.

Bagaimana untuk mencintai Rasul sebagai seorang mahasiswa Islam? Sebagai pelajar Universiti, mencintai Rasul adalah dengan mengamalkan sunnahnya. Sunnah ialah setiap perkataan, perbuatan dan amalan yang diambil daripada Baginda SAW (Jasmi, Kamarul Azmi, 2007; Jasmi & Tamuri, 2007). Satu hadis ada menjelaskan (Al-Tirmidhi, 1975: 2678; Al-Tabrani, 1994: 5991):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: يَا بُنَيَّ إِنَّ قَدْرَتَ أَنْ تُصْبِحَ وَتُمْسِيَ لَيْسَ فِي قَلْبِكَ غِشٌّ لِأَحَدٍ فَأَفْعَلْ. ثُمَّ قَالَ لِي: يَا بُنَيَّ وَذَلِكَ مِنْ سُنَّتِي وَمَنْ أَحْيَا سُنَّتِي فَقَدْ أَحَبَّنِي وَمَنْ أَحَبَّنِي كَانَ مَعِي فِي الْجَنَّةِ.

Maksud: Anas bin Malik RA berkata bahawa Rasulullah SAW telah bersabda kepadaku: "Hai anakku! Jika engkau mampu tidak menyimpan dendam kepada orang lain sejak dari pagi sampai ke petangmu, hendaklah engkau kekalkan kelakuan itu! Kemudian baginda menyambung pula: "Hai anakku! Itulah perjalananku (sunnahku), dan barangsiapa yang menyukai sunnahku, maka dia menyukaiku, dan barangsiapa yang menyukaiku, dia akan berada denganku di dalam syurga!"

(Al-Tarmidhi dan al-Tabrani)

Berdasarkan hadis ini bahawa amalan sunah boleh membawa seseorang mahasiswa itu ke syurga. Namun terdapat juga faedah amalan sunnah yang lain seperti ganjaran pahala, memelihara iman dan dijauhi daripada gangguan syaitan, meningkatkan kecintaan kepada Baginda Rasulullah SAW, kemanisan iman (Al-Nawawi, 1998), dan kajian saintifik yang terbukti keberkesannya daripada perspektif kesihatan (Jasmi, 2013).

Sebagai contoh amalan sunnah ialah *makan ketika lapar, berhenti sebelum kenyang* yang dianjurkan dalam Islam (Al-Bughawi, 1983: 328). Amalan ini jika difikir dan direnungkan mengandungi beberapa faedah, iaitu seseorang yang makan sehingga perut terlampau kenyang itu akan membuatnya malas beribadat, malas belajar, dan mendorongnya untuk berehat panjang serta ingin tidur disebabkan semata-mata makanan yang dimakan berlebihan. Malah makan berlebihan seperti ini boleh mengundang pelbagai penyakit.

Contoh kedua amalan sunnah ialah *qailulah*. *Qailulah* ialah tidur sebentar pada siang hari. Waktu paling sesuai untuk amalkan qailulah antara pukul 12 tengahari sehingga sebelum Zohor (Ibn al-Mulqin, 2008: 550). Galakan kepada amalan *qailulah* ini jelas dalam hadis berikut (Al-Tabrani, 1994: 28; Ibn al-Muqri', 1998: 647):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: قِيلُوا فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَقِيلُ.

Maksud: *Anas bin Malik berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Lakukanlah qailulah, kerana sesungguhnya syaitan itu tidak berqailulah."*

(Al-Tabrani dan al-Muqri')

Berdasarkan hadis ini menurut Al-Safarini (1993: 357) bahawa mengambil sunnah *qailulah* amat baik untuk kesegaran akal. Oleh yang demikian, sunah ini membantu menyegarkan para mahasiswa dan mahasiswa untuk sentiasa segar dalam belajar sekalipun kelas berada pada waktu petang atau pun malam.

Mentaati Ibu Bapa dan Pendidik

Selain cintakan Allah SWT dan Rasul sebagai matlamat hidup, para mahasiswa juga perlu menjadikan ketaatan kepada ibu bapa sebagai matlamat kewajipan diri sebagai individu muslim. Kasih sayang daripada mereka berdua ialah kasih sayang daripada Allah SWT. Oleh sebab itu, perbuatan derhaka kepada kedua-duanya akan menyebabkan seseorang dihumbankan ke dalam api neraka. Firman Allah SWT:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي
عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

Maksud: *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).*

(Surah Luqman, 31:14)

Melalui kasih sayang ibu bapa, maka para mahasiswa boleh sampai ke institusi pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana mahasiswa sukar untuk menjejaki diri di menara gading sekiranya sejak daripada kecil mereka tidak mendapat kasih sayang, penjagaan rohani dan fizikal, sokongan, dan harapan daripada mereka berdua. Oleh yang demikian, salah satu bentuk tuntutan untuk membalas jasa mereka adalah dengan memberikan mereka mengecapi juga kejayaan diri mahasiswa yang berjaya dan menjadi insan yang berbakti pula kepada kedua-duanya.

Sedangkan pensyarah pula merupakan pendidik bagi para mahasiswa di universiti. Mereka pula sudah boleh dianggap sebagai ibu bapa yang kedua bagi mereka ketika para mahasiswa berada jauh di perantauan menimba ilmu. Menghormati para pensyarah yang mencurahkan ilmu ini akan menjadikan seseorang mahasiswa dapat mencintai ilmu. Hal ini kerana ilmu itu pada hakikatnya adalah untuk disampaikan, bukan untuk diberi. Sewajarnya dari segi logik, seseorang mahasiswa sudah tentu sukar menyerap ilmu yang diajar sekiranya mereka tidak menghormati para guru mereka bahkan dengan lebih jauh lagi sampai kepada tahap membenci mereka (Jasmi, Abd. Rahman, *et al.*, 2012). Tokoh Islam al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1993: 6) pernah berkata bahawa terdapat tiga bahagian orang yang menuntut ilmu, iaitu belajar semata-mata kerana ingin mendapat bekal menuju kebahagiaan akhirat, belajar dengan niat mencari kemuliaan, dan yang akhirnya menuntut ilmu sebagai sarana memperbanyakkan harta. Hanya orang yang pertama sahaja yang selamat di sisi Allah SWT dalam rangka hidupnya berada di dunia.

Ringkasnya, matlamat seorang mahasiswa Islam adalah untuk mendapatkan kerediaan Allah SWT, iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat. Hal ini sudah tentu sukar dicapai sekiranya tanpa adanya kasih sayang dan penghormatan kepada ibu bapa dan para pensyarah yang mencurahkan ilmu pengetahuan. Memberikan kasih sayang dan penghormatan kepada mereka menyebabkan mahasiswa berada dalam keadaan yang lebih terbimbing, dapat membentuk diri menjadi seseorang yang bertanggungjawab, berusaha dan berbakti, tidak mudah dipengaruhi oleh unsur yang negatif, serta memperoleh keberkatan daripada Allah SWT.

Mempertingkatkan Diri dengan Ilmu Pengetahuan

Pada hakikatnya, belajar semata-mata dengan apa yang disediakan adalah tidak mencukupi. Para mahasiswa dan mahasiswa dituntut juga untuk mempertingkatkan diri sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran dengan melakukan pencarian ilmu seperti melakukan kajian, mempelbagaikan bahan bacaan, serta melakukan perbincangan ilmiah. Proses ini penting bagi memastikan mahasiswa tidak akan ketinggalan dalam suasana dunia yang sentiasa berkembang.

Apa yang utama ialah mahasiswa berada dalam posisi untuk sentiasa mempelajari, memahami, dan menghayati konsep ilmu dengan sempurna. Sifat berlumba-lumba untuk menimba dan memperkayakan ilmu sehingga mencapai tahap yang cemerlang mampu menjadikan ilmu itu satu pedoman hidup mereka sendiri. Sebagai bakal para ilmuwan, mahasiswa harus mampu mencerminkan suasana sahsiah ilmunan yang sebenar selaras dengan tuntutan syarak (Jasmi, Kamarul Azmi 2007). Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ
وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksud: Allah akan meninggikan orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allah SWT Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Mujadalah, 58:11)

Hakikatnya, manusia yang berilmu memiliki jiwa yang bersih dan sentiasa mendekatkan diri kepada Allah. Meskipun manusia dituntut menguasai banyak ilmu agama, namun ilmu yang berkaitan dengan keduniaan tidak boleh diabaikan, kerana ilmu itu sebahagian daripada fardu kifayah. Dalam era globalisasi ini, ilmu yang dikategorikan sebagai fardu kifayah sangat penting bagi masyarakat Islam kerana dianggap sebagai satu keperluan yang perlu dikuasai oleh umat Islam. Sekiranya manusia mengabaikan bidang disiplin ilmu ini menyebabkan umat Islam ketinggalan dalam zaman yang serba canggih (Ashraf Aziz *et al.*, 2012; Mahamad Nor *et al.*, 2012; Yuan *et al.*, 2012).

Melibatkan Diri dengan Perkara Kebaikan

Tindakan melibatkan diri dengan perkara kebaikan atau dengan erti kata lain juga adalah menjauhi daripada perbuatan maksiat merupakan salah satu matlamat hidup mahasiswa (Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad, t.t.; Al-Nawawi, 1998). Budaya melepaskan '*tension study*' dalam kalangan mahasiswa sebenarnya tidak wajar dijadikan sebagai satu alasan untuk membolehkan segala perbuatan dilakukan sesuka hati tetapi realiti yang dihadapi sebenarnya ialah kesan kekurangan iman. Firman Allah SWT:

إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا
 مَسَّهُ الْخَيْرُ مَنُوعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ ﴿٢٢﴾

Maksud: *Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah. Apabila dia ditimpa kesusahan, ia sangat resah gelisah. Dan apabila dia beroleh kesenangan pula, dia sangat kedekut. Kecuali orang yang mengerjakan solat.*

(Surah *al-Ma'arij*, 70:19)

Berdasarkan ayat ini, para mahasiswa wajar bersyukur dan sentiasa mengingati Allah SWT kerana dengan izin-Nya, mereka berjaya menjejakkan kaki ke menara gading. Peluang melanjutkan pelajaran pada hakikatnya merupakan rezeki yang diberikan Allah SWT. Setiap rezeki yang diberikan itu pula ada ujian yang perlu dihadapi oleh setiap

hamba-Nya. Sebagai contoh, peluang untuk memperoleh ijazah tidak mudah tanpa pembelajaran dan peperiksaan. Oleh itu, sentiasalah mengingati Allah SWT walaupun menghadapi banyak ujian dan peperiksaan, menyampaikan ilmu yang diterima, dan menghindarkan diri daripada perbuatan yang merugikan antara perkara kebaikan yang boleh membantu setiap mahasiswa Islam fokus terhadap apa yang dipelajari.

Perkara kebaikan yang lain yang boleh membantu kepada fokus seseorang mahasiswa adalah menghadirkan diri ke masjid dan bersolat berjemaah dan melibatkan diri dalam program usrah dan tazkirah, serta mendirikan solat malam ketika berjaga malam sebelum atau selepas mengulang kaji pelajaran. Tokoh al-Quran, Luqman al-Hakim (Anas, 2004: 1; Al-Bayhaqi, 1984: 445; Al-Qurtubi, 1994; Ibn al-Mubarak, 1998: 1387) pernah berpesan kepada anaknya:

يَا بُنَيَّ جَالِسِ الْعُلَمَاءَ وَرَاحِمُهُمْ بِرُكْبَتَيْكَ. فَإِنَّ اللَّهَ يُحْيِي
الْقُلُوبَ بِنُورِ الْحِكْمَةِ. كَمَا يُحْيِي الْأَرْضَ الْمَيِّتَةَ بِوَابِلِ السَّمَاءِ.

Maksud: *Wahai anakanda, hadirlah ke majlis para ulama dan duduklah bersama mereka (mendengar pengajian) kerana sesungguhnya hati sanubari itu akan hidup dan sihat dengan ilmu pengetahuan seperti suburnya tanah yang disirami air hujan.*

(Malik, al-Bayhaqi, Ibn al-Mubarak, dan al-Qurtubi)

Sedangkan solat malam pula berperanan untuk menghidup dan membersihkan hati, menguatkan jiwa, melapangkan dada, memberi ketenangan bagi roh serta melawan hawa nafsu dan membentengi diri daripada musuh zahir dan batin. Hal ini kerana ilmu itu ialah cahaya, dengan cahaya ini hati dan jiwa manusia terdidik sebagai individu Muslim yang terbimbing di dunia dan akhirat dan terhindar daripada godaan nafsu yang mengajak kepada kejahatan. Satu kata indah ditulis:

Sesungguhnya Allah SWT menjadikan makhluk jenis manusia dengan tujuan untuk dipikulkan peranan agama yang berat. Antara tanggungjawab yang terberat ialah tugas mengajak manusia kepada agama Allah. Tugas itu amat berat kerana tugas agama adalah tugas yang sentiasa berlawanan

dengan nafsu, sedangkan tabiat nafsu itu sentiasa mendorong kepada keburukan.

(Nik Mat, 2004: 70)

Ringkasnya, menghadiri kuliah, hadir ke kelas bimbingan, membuat ulang kaji, menjauhi maksiat, disiplin diri yang ketat, serta menyampaikan pengetahuan tersebut kepada orang lain adalah antara agenda yang mesti ditunaikan sebagai mahasiswa. Kesemua itu ialah amanah yang dipertanggungjawabkan Allah SWT kepada seseorang Muslim dan akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Amal Makruf Nahi Mungkar

Maksud Amal makruf nahi mungkar adalah mengajak, menyuruh dan menyeru ke arah kebaikan dan mencegah atau menghalang daripada melakukan perkara mungkar atau yang ditegah oleh agama (al-Nawawi, 1994, 1998). Sekiranya matlamat mahasiswa adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT dan kejayaan di dunia dan akhirat maka amal makruf nahi mungkar sebenarnya adalah sebahagian daripada matlamat yang dipertanggungjawab oleh Allah SWT kepada setiap dalam kalangan warga mahasiswa Muslim untuk dipikul. Hal ini demikian kerana sesungguhnya setiap dalam kalangan Muslim itu adalah bersaudara dan perlulah nasihat-menasihati demi kebaikan dirinya dan saudaranya. Melalui pengamatan yang mendalam terhadap amal makruf dan nahi mungkar ini, kesan amalan ini pada hakikatnya boleh menghasilkan beberapa faedah berikut (Al-Nawawi, 1994, 1998):

- (1) Mewujudkan suasana harmoni, tenang dan sentiasa dihadiri malaikat pembawa berkat ketika dalam majlis atau kuliah ilmu.
- (2) Mahasiswa sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap masa. Takut untuk melakukan dosa dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.
- (3) Memartabatkan kesucian ilmu serta meningkatkan tahap keimanan diri.
- (4) Dijauhi daripada malapetaka seperti hubungan sosial tanpa batasan, membenci dan memusuhi pensyarah, dan pengaruh kesan daripada budaya barat.
- (5) Menjadi mahasiswa Islam yang memperolehi ilmu dan beramal dengan ilmunya berlandaskan tuntutan murni Islam.
- (6) Melahirkan ilmuwan Islam.

Pada asalnya Allah SWT mengutuskan rasul-Nya bagi memimpin manusia seluruhnya bermula daripada Nabi Adam AS sebagai manusia pertama dijadikan oleh-Nya. Lalu baginda diangkat menjadi rasul, sehinggalah kepada nabi yang terakhir, iaitu junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semuanya rasul ini bertugas menyampaikan hukum-hakam Allah SWT bagi mengatur individu, masyarakat, dan negara berdasarkan perintah-Nya yang diwahyukan kepada mereka (Din, 2002). Oleh sebab Nabi Muhammad SAW merupakan Nabi yang terakhir yang diutuskan, maka Allah SWT telah meminta umat Islam menyambung tugas penyampaian ini kepada para umat hingga ke hari Kiamat sebagaimana firman-Nya:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksud: Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.

(Surah Ali 'Imran 3:104)

Berdasarkan matlamat amal makruf dan nahi mungkar ini, maka mahasiswa yang melaksanakannya mampu mendapat pengiktirafan sebagai umat yang terbaik. Hal ini sebagaimana firman-Nya:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksud: Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah SWT (dengan sebenar-benar iman).

(Surah Ali 'Imran, 3:110)

Dalil ini jelas menerangkan tentang tanggungjawab Muslim sesama Muslim yang lain. Mungkin kadangkala terdapat mahasiswa yang terleka dan terlupa, maka wajarlah mahasiswa yang ingat untuk mengingatkan mereka dan menarik mereka semula ke 'jalan yang benar'. Tidak timbul persoalan bahawa perbuatan menyeru kepada kebaikan mencegah kemungkaran ini sebagai satu perbuatan 'menjaga tepi kain orang lain'.

Mahasiswa sebagai bakal Pemimpin

Islam menentukan bahawa bidang kepimpinan adalah luas. Pemimpin tidak hanya memimpin dalam sesebuah negara. Pemimpin dalam Islam ialah orang yang diberikan tanggungjawab mengendalikan sesuatu urusan. Oleh sebab itu, setiap mahasiswa perlu mempunyai matlamat yang jelas untuk membentuk diri sebagai pemimpin yang berwibawa dalam skop bidang yang bakal mereka pikul. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ
الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya Kami muliakan anak Adam; dan Kami beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami memberikan rezeki kepada mereka dari benda yang baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk yang telah Kami jadikan.*

(Surah *al-Isra'*, 17:70)

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT sengaja memberikan setiap hamba itu kelebihan yang berbeza-beza agar umat manusia boleh bertanggungjawab dalam ruang lingkup tanggungjawab mereka masing-masing. Oleh itu, setiap mahasiswa dalam proses mematangkan diri di IPT, mereka wajar menyediakan diri sebagai bakal pemimpin kepada masyarakat dalam ruang lingkup yang mereka kuasai ilmunya. Hal ini merupakan tujuan utama semua manusia dilahirkan sebagai pemakmur kepada kehidupan dunia sebagaimana firman Allah SWT ini:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا
 أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ
 بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksud: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.” Mereka berkata: “Apakah Engkau hendak menjadikan orang yang merosak dan menumpahkan darah di sana, sedangkan kami bertasbih memuji dan menyucikan-Mu?” Lalu Allah SWT berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.”*

(Surah *al-Baqarah*, 2:30)

Dalam ayat ini juga, ternyata Allah SWT telah memberikan manusia suatu kedudukan yang tinggi dengan memilih manusia sebagai khalifah yang merupakan satu jawatan yang tidak diterima oleh makhluk lain. Apa yang dikehendaki dengan Khalifah dalam ayat ini ialah makhluk yang berkuasa yang dijadikan Allah SWT untuk memakmurkan dunia melalui penyusunan kehidupan makhluk berpandukan hukum Allah SWT. Para mahasiswa perlu menyedari bahawa persediaan diri perlu dilakukan untuk menjadi pemimpin kepada diri sendiri, keluarga, agama, masyarakat, dan negara pada masa mereka telah bekerja dan hidup dalam kehidupan bermasyarakat. Satu hadis menjelaskan (al-Bukhari, 2001: 893; Muslim, t.t.: 1829):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: أَلَا كُنتُمْ رَاعٍ
 وَكُنتُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksud: *Ibn Umar menceritakan bahawa Nabi SAW pernah bersabda: “Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab mengenai yang dipimpinnya.”*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut, jelaslah bahawa setiap orang itu mempunyai tugas kepimpinan, namun kepimpinan itu berperingkat-peringkat. Setiap orang itu akan bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpinnya. Dalam hal ini, mahasiswa juga merupakan pemimpin selepas generasi sebelumnya. Pemimpin dalam Islam bukanlah suatu keistimewaan, tetapi merupakan tanggungjawab. Apabila menjadi pemimpin maka akan bertambahlah tanggungjawab. Jika lebih tinggi bidang kepimpinannya pula, maka lebih besar pula tanggungjawabnya.

Mahasiswa sebagai Pemimpin kepada Diri Sendiri

Kejayaan memimpin suatu organisasi mahupun masyarakat tidak terjadi begitu sahaja tanpa memiliki kemampuan untuk memimpin diri sendiri (*self leadership*). Terdapat sebuah ungkapan yang mengatakan: “*Anda tidak akan mampu memimpin orang lain jika anda tidak mampu untuk memimpin diri sendiri.*” (Antonio, 2008: 67).

Contoh yang paling baik ialah baginda Rasulullah SAW sendiri yang dilahirkan dalam keadaan yatim, yang hidup dalam serba kekurangan tetapi diangkat oleh Allah SWT menjadi rasul dan tidak dapat dinafikan bahawa baginda mempunyai *self leadership* yang unggul dalam kalangan manusia. Justeru itu, setiap mahasiswa hendaklah sedar bahawa untuk menjadi generasi pemimpin kelak, mereka perlulah terlebih dahulu mempunyai kemampuan untuk memimpin diri sendiri. Persoalannya ialah, apakah yang perlu dipimpin dalam diri kita?

Nabi Muhammad SAW mengingatkan umatnya tentang perlunya penguasaan terhadap diri sendiri ketika marah sebagaimana hadis ini (al-Bukhari, 2001: 6114; Muslim, t.t.: 2608):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: لَيْسَ الشَّدِيدُ
بِالصُّرْعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ.

Maksud: *Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Orang yang hebat itu bukanlah orang yang paling cepat serangannya. Tetapi orang yang hebat itu adalah orang yang mampu mengalahkan nafsunya ketika sedang marah.”*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini, amatlah jelas bahawa setiap mahasiswa mestilah mempunyai kemampuan untuk memimpin diri sendiri kerana hanya ada dua pilihan, iaitu sama ada nafsu itu dipimpin diri atau diri individu yang dipimpin oleh nafsu.

Segala kedurjanaan yang berlaku sejak dulu sehingga kini seperti kegiatan jenayah menyamun, merompak, rogol, menipu, ragut, bunuh, berzina, pembuangan bayi, mat rempit, bohsia, sumbang mahram dan lain-lain lagi adalah natijah daripada kegagalan memimpin diri sendiri. Sebaliknya pula adalah kemanisan hidup dan kejayaan di dunia dan akhirat bagi yang mampu memimpin dirinya ke jalan yang diredai Allah SWT (Al-Nawawi, 1994, 1998).

Mahasiswa sebagai Pemimpin Keluarga dan Sahabat Handai

Setelah mahasiswa mempunyai kawalan yang baik ke atas diri sendiri, iaitu dapat mengawal kemarahannya, dapat menundukkan hawa nafsunya sendiri, dapat mengawal emosinya, dan pada masa yang sama dapat berbuat baik kepada orang lain (Jasmi, Kinan, *et al.*, 2004; Jasmi, Md. Saleh @ Masrom, *et al.*, 2004; Jasmi, Mustari, *et al.*, 2004), maka seterusnya mahasiswa sewajarnya cuba untuk menjadi pemimpin untuk keluarga dan rakan-rakannya (Marni *et al.*, 2004; Mustari *et al.*, 2004; Jasmi, 2005; Jasmi, Hong, *et al.*, 2012). Menjadi pemimpin kepada mereka supaya mampu memimpin mereka ke jalan yang benar dan diredai Allah SWT dengan menunjukkan teladan yang baik kepada mereka. Hal ini demikian seperti dalam hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 893; Muslim, t.t.: 1829):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: أَلَا كُنتُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ فَالْأَمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْهُمْ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلِهَا وَوَلَدِهِ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْهُمْ أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Maksud: *Ibn 'Umar berkata bahawa Nabi SAW bersabda: "Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin itu bertanggungjawab mengenai yang dipimpinnya. Raja adalah pemimpin, seorang lelaki adalah pemimpin terhadap ahli keluarganya dan perempuan adalah pemimpin terhadap rumah suaminya dan anak-anaknya. Ketahuilah bahawa setiap kamu adalah pemimpin dan tiap-tiap kamu adalah bertanggungjawab terhadap pimpinannya."*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Maka dengan itu, secara automatik adalah menjadi tanggungjawab mahasiswa mahupun mahasiswi untuk untuk saling mengingatkan dan berpesan-pesan dalam membuat kebaikan terhadap keluarga masing-masing setidak-tidaknya untuk menjauhkan diri daripada azab Allah SWT. Contohnya apabila seseorang mahasiswa ternampak orang yang di bawah kawalannya seperti adik atau anak saudara, atau pembantu rumahnya melakukan kemungkaran seperti tidak menutup aurat, mengumpat, tidak solat, dan lain-lain lagi, maka seharusnya mereka menegur dan membetulkan kesilapan mereka kerana orang yang berada dalam kawalannya itu boleh menuntut hak terhadap sesuatu yang dia wajar ditegur (Rashid, Hussin, & Hassan, 2006; Rashid, Hussin, & Tubah, 2006; Jasmi & Md Salleh, 2007; Jasmi, Hong, *et al.*, 2012). Hal ini sebagaimana terjelus daripada hadis berikut (Muslim, t.t.: 78):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksud: *Abu Sa'id al-Khudri r.a. katanya bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa antara kamu melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubah dengan tangannya; jika tidak sanggup maka dengan lisannya; dan jika tidak sanggup juga maka dengan hatinya. Itu adalah selemah-lemah iman."*

(*Muslim*)

Di samping itu, mahasiswa sendiri wajar menerapkan cara hidup Islam secara keseluruhan dalam hidupnya supaya menjadi panduan dan ikutan

kepada mereka yang paling dekat dengan mereka dan pada masa yang sama tidak mudah terikut dengan budaya hidup persekitaran, budaya hidup yang dicampur-adukkan dengan budaya asing, budaya hidup jahiliyyah yang tidak mempunyai apa-apa manfaat kepada manusia dan hendaklah sentiasa berhati-hati di setiap langkah kehidupan yang mereka harungi supaya tidak terjerumus ke dalam siksaan api neraka kelak (Wei *et al.*, 2012; Mohd Noor *et al.*, 2013).

Mahasiswa sebagai Pemimpin Masyarakat dan Negara

Kemuncak kejayaan seseorang mahasiswa dalam hidupnya adalah apabila dipilih atau dipertanggungjawabkan menjadi pemimpin masyarakat atau sesebuah negara. Namun, hal ini tidak akan terjadi begitu sahaja tanpa asas yang kukuh atau tanpa hubungan yang baik terhadap golongan yang akan dipimpin. Apabila menjadi seseorang pemimpin terhadap sesebuah kampung misalnya, dia akan ditanya mengenai dirinya, keluarganya, dan kampungnya. Demikianlah makin luas bidang kepimpinannya, maka lebih besarlah tanggungjawabnya. Seseorang ketua negara bukan sahaja akan ditanya mengenai dirinya dan keluarganya sahaja di akhirat kelak, tetapi akan ditanya pula tentang rakyatnya di hadapan Allah SWT kelak.

Oleh itu, mahasiswa hendaklah berusaha menjalankan amanah sebagai pemimpin dengan penuh keikhlasan, bertanggungjawab dan menurut syariat Islam. Jika seseorang Muslim itu membuka mata dan minda terhadap apa yang sedang berlaku di sekelilingnya pada hari ini, maka dia akan sedar bahawa dunia kini sedang menghadapi krisis kepimpinan secara global yang mengakibatkan kerugian, kemusnahan harta benda, dan kesusahan terhadap manusia sejagat (Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad, t.t.; Al-Nawawi, 1998; Jusoh & Jasmi, 2006).

Krisis kepimpinan ini boleh dilihat misalnya di negara yang hampir dengan Malaysia seperti Indonesia dan Thailand yang mana sering bergolak dengan krisis pemimpin negara yang silih berganti dan ditumbangkan oleh rakyat sendiri. Begitu juga yang terjadi di benua Afrika seperti di Somalia dan yang sedang rancak diperkatakan adalah di negara Timur Tengah seperti Libya, Mesir, Turki, Yaman dan lain-lain lagi.

Mengapa krisis ini melanda pemimpin pada masa kini? Tidak lain dan tidak bukan kerana pemimpin masa kini tunduk kepada hawa nafsu dan tidak berlandaskan syariat Islam dalam pentadbirannya.

Rasulullah SAW sangat berhati-hati supaya pemimpin itu berada di tangan orang yang kuat dan berkeelayakan dari segi ketaatan kepada Allah SWT, mempunyai kekuatan peribadi dan jasmani, kepintaran akal, dan dihormati oleh rakyat. Baginda berhati-hati agar jangan pemimpin jatuh ke tangan orang yang lemah melawan nafsunya sendiri, ia tidak dapat mematuhi Allah SWT dan tidak terselamat daripada faktor kehancuran seperti rasuah, maksiat, penyelewengan, dan lain-lain lagi (Jasmi, 2005).

Justeru itu, mahasiswa hendaklah berusaha menjalankan amanah sebagai pemimpin dengan penuh keikhlasan dan bertanggungjawab. Antara kaedah untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan adalah seperti mengadakan silaturrahim sesama manusia melalui solat berjemaah, berjual beli, bergotong royong, menghadiri majlis jemputan perkahwinan, kematian, tahlil dan sebagainya (Jasmi, Kamarul Azmi, 2007; Jasmi *et al.*, 2007). Di samping itu, mahasiswa hendaklah menggunakan segala nikmat pemberian Allah SWT berupa ilmu, tenaga, pangkat, kekayaan dan kepakaran untuk perkara yang dapat memberi manfaat kepada orang lain.

PENUTUP

Bab ini mengungkap tentang betapa pentingnya setiap mahasiswa mengetahui matlamat hidup mereka sebagai mahasiswa berlandaskan al-Quran dan sunnah baginda Rasulullah SAW. Sekiranya mahasiswa masih kabur dengan matlamat hidup mereka atau matlamat hidup mereka terpesong daripada lunas syariat Islam, maka berlakulah pelbagai kepincangan dalam pelbagai aspek aktiviti kehidupan. Hal ini demikian adalah kerana mahasiswa akan terpedaya dan terdorong untuk mengikut hawa nafsu dalam membuat keputusan semasa menempuh cabaran kehidupan ini.

Malah apa yang lebih dikhuatiri adalah apabila tamat pengajian dan berada di alam pekerjaan, mereka tidak dapat membendung diri mereka daripada terlibat dengan perbuatan serta amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam secara khusus serta undang-undang secara amnya. Sebaliknya, apabila mahasiswa jelas dengan matlamat hidup mereka, maka mereka akan terpelihara daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan Islam. Malah, mereka boleh menjadi modal insan yang diperlukan untuk pembangunan ummah dan negara selaras dengan matlamat kejadian manusia sebagai khalifah di muka dunia ini seperti sepertimana baginda Rasulullah SAW.

RUJUKAN

- ‘Ali, Mahfuz. 1975. *Hidayah al-Murshidin ila Turuq al-Wa’zu wa al-Khatabah*. Al-Qahirah: Dar al-Misr.
- Abu al-Laith, al-Samarqandi. t.thn. *Bahr al-‘Ulum*. T.P.: T.T.P.
- Ahmad, Mohamad Faizal, Mohd Arshad, Ariff, & Jasmi, Kamarul Azmi. 21 April 2012. *Amalan, Etika dan Institusi dalam Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 1984. *Al-Madkhal ila al-Sunan al-Kubra*. Muhammad Dia’ al-Rahman Al-A‘zami (Ed.). Kuwait: Dar al-Khulafa’ li al-Kitab al-Islami.
- Al-Bughawi, Abu Muhammad al-Husain. 1983. *Sharh al-Sunnah*. Shu‘aib Al-Arna’ut & Muhammad Zuhair Al-Shawish (Ed.). Jld. 1-15. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Dinuri, Abu Bakr Ahmad. 1998. *Al-Majalisah wa Jawahir al-‘Ilm*. Abu ‘Ubaydat Mashhur Hasan Ali Salman (Ed.). Jld. 1-10. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. 1988. *Ihya’ ‘ulum al-din (Terj.)*. Jld. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. 2004. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Jld. 1-5. Misr: Al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad. t.thn. *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. al-Hafiz al-‘Iraqi (Ed.). T.T.P.: T.P.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1993. *Bidayat al-Hidayah*. Muhammad Zaynihil Muhammad ‘Azb (Ed.). Al-Qahirah: Maktabah Madbuli.
- Al-Kailaniy, Majid ‘Arsan. 2002. *Falsafah al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Kailaniy, Majid ‘Arsan. 2005. *Abdaf al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. 1994. *Al-Azkar*. ‘Abd al-Qadir Al-Arna’ut (Ed.). Beirut: Dar al-Fikr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tauzi‘.

- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. 1995. *Riyad al-Salihin*. 'Ali 'Abd al-Hamid Boltah Ji (Ed.). Lahore, Pakistan: Kutub Khanah Faida.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Abu Zakariyya Yahya. 1998. *Riyad al-Salihin*. Shu'aib Al-Arna'ut (Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Umar Yusuf. 1994. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Abu al-Ashbal al-Zuhayri (Ed.). Jld. 1-2. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Al-Safarini, Shams al-Din Abu al-'Aun Muhammad. 1993. *Gaza' al-Albab fi Sharh Manzumah al-Adab*. Jld. 1-2. Mesr: Mu'assasah Qurtobah.
- Al-Tabrani, Abu al-Qasim Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Ausat*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad (Ed.). Jld. 1-10. Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1975. *Sunan al-Tarmidhi*. Ahmad Muhammad Shakir, Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi, & Ibrahim 'Utwat (Ed.). Jld. 1-5. Mesr: Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Anas, Malik. 2004. *Al-Muwatta'*. Muhammad Mustafa Al-A'zami (Ed.). Jld. 1-8. Abu Dhabi, Emiriyyah: Mu'assasah Zayid bin Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khayriyyah wa al-Insaniah.
- Antonio, Muhammad Syafi'i. 2008. *Muhammad SAW: The Super Leader Super Manager*. Bandung: Mutiara Qolbun Salim.
- Ashraf Aziz, Mohd Farid, Abbas, Mohd Saaban, & Jasmi, Kamarul Azmi. 21 April 2012. *Kemuncak dalam Tamadun Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. 21 April 2012. *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Din, Haron. 2002. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn al-Mubarak, Abu 'Abd al-Rahman 'Abdullah. 1998. *Al-Zuhd wa al-Raqa'iq li Ibn al-Mubarak*. Habib al-Rahman al-A'zami (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Mulqin, Siraj al-Din Abu Hafs 'Umar. 2008. *Al-Tawdih li Sharh al-Jami' al-Sahih*. Dar al-Falah li al-Bahth al-'Ilmiyy wa Tahqiq al-Turath (Ed.). Jld. 1-36. Damsyiq, Suriyya: Dar al-Nawadir.

- Ibn al-Muqri', Abu Bakr Muhammad. 1998. *Al-Mu'jam li Ibn al-Muqri'*. Abu 'Abd al-Haman 'Adil Sa'd (Ed.). Al-Riyad: Maktabah al-Rusd.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2005. *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah SAW dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas Kerja dalam Sambutan Maulid al-Rasul, Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. [http://eprints.utm.my/41143/1/Jasmi KA 2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdalam Pendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/41143/1/Jasmi%20KA%202005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdalamPendidikan.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2007. *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2013. *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 4-5 Ogos 2007. *Menyemai Unsur Jati Diri Islam di Kalangan Pelajar Pra Universiti atau Matrikulasi*. Kertas Kerja dalam Seminar Pendidikan Pra Universiti/Matrikulasi, Hotel Hilton, Petaling Jaya.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Abd. Rahman, Kamaluddin, Muhammad, Azhar, et al. 8-9 March 2012. *Pembinaan Hubungan Baik antara Guru dengan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan*. Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]. Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. 22 September 2012. *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Kinan, Norina, Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, et al. 7-9 December 2004. *Tahap Amalan Tatacara Kehidupan Beradab Islam di Kalangan Mahasiswa Islam Tahun Empat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Kertas Kerja dalam International Seminar on Islamic Thoughts. Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Mustari, Mohd Ismail, et al. 21-22 Julai 2004. *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam*. Kertas Kerja dalam Simposium Kabajikan Kanak-kanak 2004 di Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang.

- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd. Ismail, & Mohamed, Ahmad Kilani. 2004. *Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT: Nadi Penggerak Pembangunan Insan*. Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004). Hotel City Bayview, Langkawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Othman, Siti Nadirah, & Walter, Azureen Sabina. 21 April 2012. *Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. 2-3 Februari 2007. *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3. Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Tamuri, Ab Halim, & Hamzah, Mohd Izham Mohd. 2011. "Penerapan Matlamat Pendidikan Islam oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes di beberapa buah Sekolah Menengah di Malaysia". *Sains Humanika*, 55(1).
- Jusoh, Yahaya, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2006. *Pendidikan Politik dan Khilafah Islam dalam Pelbagai Perspektif*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Mahmad Nor, Aiman, Fakharazi, Mohammad Syahmi, & Jasmi, Kamarul Azmi. 21 April 2012. *Islam di Dunia Kontemporari Baru*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Marni, Nurazmallai, Mohamed, Ahmad Kilani, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2-3 Februari 2005. *Pembangunan Sifat Bekerja dalam Kumpulan (Teamworking) sebagai Atribut Utama Graduan IPT: Huraian Menurut Perspektif Wahyu*. Kertas Kerja dalam Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia 2005. Hotel Sofitel, Senai, Johor.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. 17-18 September 2013. *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas Kerja dalam Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

- Muslim, Abu al-Husain. t.thn. *Sabih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Mustari, Mohd Ismail Bin, Mohamed, Ahmad Kilani, Jasmi, Kamarul Azmi, et al. 21-22 Julai 2004. *Pembentukan Nilai dan Kecemerlangan Bagi Melahirkan Generasi Muda yang Mapan dalam Menghadapi Era Pasca Modenisme*. Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme, Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang.
- Nik Mat, Nik Abdul Aziz. 2004. *Sirah Nabawiyyah: Muhammad SAW Insan Teladan Sepanjang Zaman*. Selangor Malaysia: Kemilau Publika Sdn Bhd.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Hassan, Che Hashim. 2006. *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributer Sdn Bhd.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. 2006. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributers Sdn Bhd.
- Wei, Se Kuan, Yoong, Chin Sam, & Jasmi, Kamarul Azmi. 22 September 2012. *Semangat Kekitaan dalam Sesebuah Keluarga*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yuan, Goh Yong, Muzamil, Nor Syafira, & Jasmi, Kamarul Azmi. 21 April 2012. *Islam dan Cabaran Zaman*. Kertas Kerja dalam Seminar Tamadun 2012. Dewan al-Marbawi, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.